

## **PENGGUNAAN KOMIK 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' DALAM MEMBANTU MURID MEMAHAMI ADAB PENJUAL DAN PEMBELI**

**NURUL SYAMIMI BINTI JUNAIDI**

syams95.ns@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk membina satu pendekatan inovatif dalam membantu murid memahami Adab Penjual dan Adab Pembeli dengan mudah. Penerapan kaedah ikon, warna dan akrostik berupaya membantu kelima-lima orang peserta kajian ini dalam membantu meningkatkan minat, keupayaan memahami dan mengingat Adab Penjual dan Adab Pembeli dengan baik. Peserta kajian telah diberikan dengan komik yang mengandungi dialog penceritaan Adab Penjual dan Adab Pembeli melalui perwakilan ikon bergambar dan penggunaan warna. Penggunaan akrostik 'JAIS TUA KeHaJi' dibina bagi memudahkan peserta kajian memahami dan mengingat setiap dari Adab Penjual dan Adab Pembeli. Instrumen pengumpulan data yang digunakan ialah Ujian Sebelum, Ujian Selepas dan Ujian Pengukuhan, soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Peserta kajian telah menunjukkan purata peningkatan skor pencapaian sebanyak 57.2% dalam mengingat dan memahami perbezaan kedua-dua Adab Penjual dan Adab Pembeli setelah menggunakan komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi'.

**Kata kunci:** *Adab Penjual dan Adab Pembeli, ikon, warna, akrostik, komik, 'JAIS TUA KeHaJi'*

### **PENGENALAN**

Saya merupakan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching dan sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda (PISMP) dalam kursus Pendidikan Islam Sekolah Rendah Ambilan Jun 2014. Pada 3 Julai 2017 lalu, saya telah menjalani praktikum Fasa 2 di Sekolah Kebangsaan Rock. Pada minggu ke-5 praktikum iaitu pada tarikh 31 Julai 2017 bersamaan hari Isnin, saya telah mengajar kelas Tahun 5 Kuning bidang Akhlak Islāmiyyah dalam tajuk 'Adab Berjual Beli'. Saya telah menggunakan kaedah tayangan slaid 'Adab Berjual Beli' untuk memudahkan pemahaman mereka berkenaan Adab Penjual Yang Menepati Syara' dan Adab Pembeli Yang Menepati Syara'. Penggunaan media elektronik membantu dalam memaparkan sebanyak mungkin keupayaan input, dan animasi (Siti Fatimah dan Ab.Halim, 2010). Selain itu, saya turut menggunakan kaedah lakonan dalam kumpulan untuk menguji tahap pemahaman mereka mengenai Adab Penjual dan Pembeli Yang Menepati Syara' bertepatan dengan Azani dan Azman (2012), aktiviti lakonan dapat menarik minat murid untuk mengikuti pelajaran dan mengenalpasti tahap kesukaran yang dihadapinya.

Dalam langkah PdP yang selanjutnya, saya melaksanakan latihan dalam kumpulan mengelaskan Adab Penjual dan Adab Pembeli yang betul. Semasa pembentangan hasil tugas latihan tersebut, saya mendapati bahawa daripada 5 kumpulan, 3 kumpulan sahaja yang dapat mengelaskan dengan baik Adab Penjual dan Adab Pembeli Yang Menepati Syara'. Manakala 2 kumpulan lagi, mencampur adukkan Adab Penjual dan Adab Pembeli ke dalam jadual. Menerusi aktiviti ini, saya telah menyedari bahawa murid-murid ini mengalami masalah keliru akan tayangan slaid.

Semasa melaksanakan tinjauan ke atas masalah yang telah dikenalpasti semasa PdP Adab Jual Beli bertarikh 31 Julai 2017 yang lalu, saya telah memilih beberapa

instrumen untuk mengumpul data awal untuk mengkaji sejauhmanakah masalah yang dihadapi murid dalam memahami Adab Penjual dan Adab Pembeli. Antara instrumen untuk pengumpulan data awal ialah pemerhatian (Nota Lapangan), Borang Maklum Balas dan Analisis Dokumen. Ketiga-tiga instrumen pengumpulan data ini telah mengesahkan 5 orang murid mengalami masalah kekeliruan terhadap Adab Penjual dan Adab Pembeli menerusi skor Ujian Sebelum Kajian.

## **FOKUS KAJIAN**

Fokus kajian saya adalah untuk membantu murid Tahun Lima dalam memahami serta mengingat Adab Penjual dan Adab Pembeli dengan menggunakan kaedah ikon, warna dan akrostik. Saya telah memilih untuk membina sebuah komik berakrostik kerana antara bahan bacaan yang popular dalam kalangan kanak-kanak kini adalah komik-komik berbanding buku-buku cerita biasa. Menurut Ahmad, Anizam, Zurina, Siti Khatijah dan Kamarulzaman (2009), komik merupakan bahan bacaan pilihan utama pelajar dan mempengaruhi tingkah laku mereka. Pernyataan ini disokong oleh Abdul Rasid dan Hasmah (2013), bahawa penggunaan komik dapat menarik perhatian murid melalui ilustrasi, grafik seperti kartun dan bahasa tubuh dapat menimbulkan suasana menyeronokkan dalam PdP.

Dengan bantuan ikon dan grafik yang menarik serta warna, mereka lebih mudah untuk tertarik untuk membaca dan memahami isi penceritaan sesuatu komik. Murid-murid lebih bermotivasi untuk belajar fakta dengan menggunakan ilustrasi (Azalina Abdul Wahap, 2013). Penggunaan akrostik pula adalah untuk membantu murid mengingat fakta yang kompleks bertepatan dengan Bakken dan Simpson (2011), menjelaskan bahawa teknik mneumonik (akrostik) telah terbukti membantu individu untuk mengingat informasi dengan lebih mudah, lebih bermakna dan lebih konkrit.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

### **Objektif Kajian**

1. Membantu meningkatkan minat murid Tahun 5 dalam mempelajari Adab Penjual dan Pembeli melalui komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi'.
2. Membantu meningkatkan pemahaman murid Tahun 5 terhadap Adab Penjual dan Pembeli menggunakan ikon, warna dan kaedah akrostik di dalam komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi'.

### **Persoalan Kajian**

1. Adakah komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' dapat membantu meningkatkan minat murid Tahun 5 dalam mempelajari Adab Penjual dan Pembeli?
2. Adakah kaedah ikon, warna dan akrostik di dalam komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' dapat membantu murid-murid Tahun 5 memahami Adab Penjual dan Adab Pembeli ini dengan betul?

## **PESERTA KAJIAN**

Saya telah memilih 5 orang murid dari Tahun 5 Kuning sebagai peserta kajian. Mereka terdiri daripada 4 perempuan dan 1 lelaki. Rasional pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan perolehan skor Ujian Sebelum yang telah diberikan pada

minggu-6 praktikum iaitu 4 orang pada tahap lemah dan 1 orang pada tahap sederhana.

**Jadual 1**

**Ciri-ciri Peserta Kajian.**

Bil.	Nama	Ciri-ciri/ Tahap Pencapaian
1	Aisyah	Pencapaian akademik: Lemah Ciri-ciri: Gemar bercakap semasa guru mengajar.
2	Nurul	Pencapaian akademik: Lemah Ciri-ciri: Gemar termenung dalam kelas.
3	Adib	Pencapaian akademik: Lemah Ciri-ciri: Suka bermain semasa guru mengajar.
4	Hanna	Pencapaian akademik: Lemah Ciri-ciri: Lemah dalam membaca Jawi.
5	Laili	Pencapaian akademik: Sederhana Ciri-ciri: Gemar melibatkan diri di dalam PdP guru.

**TINDAKAN YANG DIJALANKAN**



**Rajah 1. Langkah Pelaksanaan Tindakan.**

**Sebelum Kajian Dilaksanakan**

Pada Minggu Ke-6 praktikum, saya telah berbincang dengan guru pembimbing berkenaan komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' y untuk penambahbaikan.

**Rajah 1. Komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi'.**

### **Minggu Pertama Tindakan**

Pada minggu ke-7 praktikum, peserta kajian menggunakan komik dan membaca kandungan terdapat dalam komik.

Berdasarkan Rajah 1, saya menerangkan kegunaan akrostik 'JAIS TUA KeHaJi' kepada peserta kajian dengan menggunakan komik tersebut. Saya meminta mereka mengulang kembali akrostik untuk Adab Penjual ('JAIS TUA') dan menerangkan kepada saya maksud Adab Penjual untuk setiap huruf yang diwakilkan. Langkah ini diulang untuk akrostik Adab Pembeli ('KeHaJi').

### **Minggu Kedua Tindakan**

Pada minggu ke-8 praktikum, saya tidak lagi menggunakan Komik 'SUPER ADAB JAIS TUA KeHaji', tetapi saya menggunakan komik yang dicetak dan diagihkan kepada setiap peserta kajian. Rasional tindakan ini ialah supaya setiap peserta lebih fokus dan menguji pemahaman mereka secara individu terhadap komik. Setelah itu, saya meminta setiap peserta kajian menerangkan kepada saya pemahaman mereka terhadap komik dan akrostik. Pada langkah ini, Ujian Selepas diberikan kepada peserta kajian untuk menguji kefahaman mereka terhadap Adab Penjual dan Pembeli.

### **Minggu Ketiga Tindakan**

Pada minggu ke-9 praktikum ini, saya meminta peserta kajian untuk menerangkan kepada saya maksud akrostik tersebut. Setelah sesi pengulangan akrostik tamat, saya mengagihkan Ujian Pengukuhan ini adalah untuk menguji kefahaman mereka terhadap Adab Penjual dan Adab Pembeli setelah menggunakan komik dan akrostik selama 3 minggu. Set soalan ujian ini adalah berbeza berbanding Ujian Sebelum dan Ujian Selepas, kerana Ujian Pengukuhan ini mencampurkan beberapa Adab penjual dan Pembeli yang tidak beradab ke dalam pilihan jawapan. Ujian ini untuk menguji sejauhmanakah peserta kajian mampu membezakan Adab yang telah dipelajari dan memilih adab yang betul.

Bagi mengumpul data kajian, saya telah menggunakan kaedah analisis dokumen, temu bual, pemerhatian menggunakan nota lapangan, borang maklum balas dan rakaman video. Kaedah rakaman video, analisis dokumen Ujian dan pemerhatian digunakan sepanjang kajian dilaksanakan, manakala kaedah temu bual dan borang maklum balas digunakan setelah minggu ketiga kajian iaitu setelah kajian selesai dilaksanakan ke atas peserta kajian. Setelah itu bagi memastikan kesemua data kajian mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan, saya menggunakan triangulasi kaedah untuk menganalisis dapatan kajian dengan menggunakan Borang Triangulasi Matriks.

### **DAPATAN KAJIAN**

**Penggunaan ikon (gambar), warna dan akrostik dapat membantu dalam meningkatkan minat murid Tahun 5 dalam mempelajari Adab Penjual dan Pembeli.** Dapatan kajian melalui analisis ke atas Maklum Balas peserta kajian, temu bual dan nota lapangan mendapati bahawa kesemua elemen ikon, warna dan akrostik di dalam komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' berjaya menarik minat peserta kajian untuk mempelajari adab. Perubahan tingkah laku peserta kajian semasa kajian dilaksanakan berbanding sebelum kajian adalah positif dengan kesemua peserta kajian aktif semasa komik digunakan dan menggunakan komik untuk memahami Adab Penjual dan Pembeli. Dapatan ini telah disokong oleh kajian Faraha Latifah (2006), menyatakan bahawa kanak-kanak menggunakan warna

sebagai satu teknik untuk mengecam objek dan perkara di sekelilingnya. Dan di dalam kajian lepas, Rosdiana Ramli (2014), juga telah membuktikan warna menarik minat murid untuk belajar membezakan penyambungan huruf Jawi dalam pembinaan Bahan Bantu Roda Jawi dan penggunaan dapat membantu murid menyambung huruf Jawi dengan betul.

### Maklum Balas Peserta Kajian

Borang Maklum Balas diedarkan kepada peserta kajian setelah tamat kajian pada Minggu 3 kajian dilaksanakan untuk meninjau keberkesanan penggunaan komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' dalam menarik minat murid dan membantu murid memahami Adab Penjual dan Pembeli.

Bil.	Soalan	Bilangan Setuju $\frac{x}{5}$	Bilangan Tidak Setuju $\frac{x}{5}$	Peratus Setuju (%)
4.	Warna yang digunakan sesuai dan menarik.	5	0	100
5.	Ikon yang terdapat pada komik membantu membezakan Adab Penjual dan Pembeli.	5	0	100
9.	Saya berasa minat untuk mempelajari Adab.	5	0	100
10.	Saya merasakan kaedah komik dan akrostik sesuai digunakan untuk memahami dan mengingat fakta.	5	0	100

100% peserta kajian bersetuju bahawa selepas kajian dijalankan mereka berasa lebih minat untuk belajar Adab.

**Rajah 2. Analisis Borang Maklum Balas Akhir.**

Merujuk kepada Rajah 2, 100% peserta kajian bersetuju bahawa selepas kajian mereka berasa lebih berminat untuk mempelajari Adab. Kesemua peserta kajian bersetuju bahawa warna dan ikon yang terdapat dalam komik menarik dan membantu membezakan Adab Penjual dan Pembeli.

### Temu Bual

Fokus temu bual adalah untuk mengesan tahap keberkesanan penggunaan komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi'. Temu bual ini dilakukan minggu ketiga setelah kajian dilaksanakan.

<p>Saya : Adakah akrostik 'JAIS TUA KeHaJi' membantu kamu mengingat Adab Penjual dan Adab Pembeli?</p>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content;"> <p>Adib bersetuju bahawa akrostik dan komik memudahkannya belajar adab.</p> </div>
<p>Saya : Adakah kamu mudah membezakan adab penjual dan adab pembeli dengan penggunaan akrostik?</p>	
<p>Adib : <b>Ya. Sebab ustazah asingkan akrostik antara 2 jenis adab ya saya mudah faham.</b></p>	
<p>Saya : Adakah kamu suka akrostik dengan warna digunakan untuk ingat fakta adab?</p>	
<p>Adib : <b>Mestilah ustazah, suka kamek komik tok nang senang gilak nak belajar pakainya.</b></p>	

TB01


**Rajah 3. Analisis Temu Bual.**

Melalui Rajah 3, analisis ke atas transkrip temu bual bersama peserta kajian saya mendapati bahawa peserta kajian Adib bersetuju akrostik sangat sesuai digunakan untuk mengingat. Perkara ini dibuktikan melalui peningkatan skor Adib di dalam Ujian

Selepas dan Ujian Pengukuhan yang telah berjaya mendapat skor 100% berbanding Ujian Sebelum. Keberkesanan penggunaan akrostik turut disokong oleh kajian Tang (2005), penggunaan akronim membantu murid dalam mengingat fakta Sejarah dengan baik dan boleh digunakan sebagai teknik pengajaran yang berkesan kepada murid. Adib juga berpendapat bahawa dia sangat suka belajar menggunakan komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi'. Minat peserta kajian dalam mempelajari Adab meningkat setelah menggunakan komik ini.

### Pemerhatian

Analisis ke atas nota lapangan turut dilakukan bagi mengkaji perubahan tingkah laku peserta kajian sebelum dan selepas kajian dilaksanakan.



**Rajah 4. Analisis Nota Lapangan.**

Rajah 4, peserta kajian mempamerkan reaksi positif semasa komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' diberikan kepada mereka untuk dibaca dan digunakan. Kelima-lima peserta kajian melibatkan diri dalam menggunakan komik dan bersemangat berbincang mengenai kandungan komik. Perubahan tingkah laku ini adalah amat ketara berbanding semasa PdP Adab Jual Beli bertarikh 31 Julai 2017 yang lalu, semasa PdP tersebut peserta kajian Adib, Nurul, Hanna dan Aisyah bermain dan tidak menyertai PdP dengan aktif dan lebih tertarik untuk bercakap sesama sendiri dan bermain.

Kesimpulannya, bahawa penerapan kaedah ikon, warna dan akrostik di dalam komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' telah berjaya membantu meningkatkan minat peserta kajian sebanyak 100% kerana kelima-lima peserta kajian bersetuju bahawa komik ini menarik minat mereka untuk belajar Adab Penjual dan Pembeli. Tambahan lagi, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' dapat menambah baik amalan pengajaran saya selaku guru Pendidikan Islam dalam membantu murid memahami isi pembelajaran dengan efektif.

**Aplikasi kaedah ikon, warna dan akrostik di dalam komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi' dapat membantu murid-murid Tahun 5 memahami Adab Penjual dan Adab Pembeli ini dengan betul.** Menerusi analisis ke atas analisis dokumen Ujian Selepas dan Ujian Pengukuhan jelas menunjukkan peningkatan skor yang memberansangkan dari peserta kajian berbanding skor Ujian Sebelum. Dapatan ini membuktikan bahawa penerapan ikon, warna dan akrostik dalam komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA berjaya membantu murid Tahun 5 memahami Adab Penjual dan Pembeli dengan betul. Keberkesanan penggunaan akrostik turut disokong oleh kajian lepas oleh Nur Hasyimayun (2013), yang mendapati bahawa akrostik berjaya membantu murid mengingat tajwid Qalqalah dengan baik. Manakala keberkesanan penggunaan pelbagai warna pula telah dikukuhkan oleh kajian Mariam dan Muhammad Faiz (2013), '*colour function as powerful information channel to human cognitive system and play significant role in enhancing memory performance*'. Kajian ini mendapati bahawa warna merupakan medium yang memainkan peranan penting bagi otak untuk mengingat sesuatu fakta penting.


### Analisis Dokumen

Saya telah menggunakan Ujian Sebelum untuk mengutip data awal dan memilih peserta kajian. Setelah minggu kedua kajian, saya memberikan Ujian Selepas untuk menguji tahap ingatan peserta kajian terhadap Adab Penjual dan Adab Pembeli yang dipelajari melalui komik dan akrostik. Dan di akhir kajian, saya sekali lagi memberikan Ujian Pengukuhan untuk menguji secara keseluruhan pencapaian peserta kajian dari sudut kefahaman, ingatan dan keupayaan untuk membanding Adab dengan perkara bukan Adab.

### Jadual 2

**Perbandingan Hasil Analisis Skor Peserta Kajian**

Peserta Kajian	Ujian Sebelum (%)	Ujian Selepas (%)	Ujian Pengukuhan (%)	Peratus Peningkatan Skor (%)
Aishah	25	100	100	75
Nurul	38	100	100	62
Adib	38	100	100	62
Hanna	50	100	100	50
Laili	63	100	100	37



**Rajah 5. Analisis Perkembangan Skor Peserta Kajian.**

Merujuk kepada Rajah 5, kesemua peserta kajian berjaya mencapai skor 100% pada Ujian Selepas dan Ujian Pengukuhan. Kesimpulannya, hasil dapatan kajian membuktikan keberkesanan penggunaan Komik SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaJi dapat membantu murid Tahun 5 memahami dan membezakan Adab Penjual dan Adab Pembeli menerusi kaedah ikon, warna dan akrostik. Persoalan kajian 2 telah terjawab dan dibuktikan dengan persembahan data kajian seterusnya menandakan objektif kajian tercapai dengan jayanya.

### Rakaman Video

Rakaman Video ini telah diambil semasa peserta kajian bermain dengan permainan 'Kad Adab'. Peserta kajian dikehendaki memilih setiap seorang 1 kad, mereka membaca perkataan pada kad dan mengelaskan kad tersebut pada kotak Adab.



**Rajah 6. Jawapan Peserta Kajian dalam Permainan Kad Adab.**

Berdasarkan Rajah 6, kesemua jawapan yang diberikan adalah betul kerana Adab yang dimasukkan bertepatan dengan Adab Penjual dan Adab Pembeli. Penggunaan warna pada kad turut membantu peserta kajian mengecam jawapan yang betul.

#### Maklum Balas Peserta Kajian

Borang Maklum Balas Akhir yang telah dijawab oleh peserta kajian adalah untuk mengkaji keberkesanaan penerapan ikon, warna dan akrostik dalam membantu peserta kajian mempelajari Adab Penjual dan Pembeli.

Bil.	Soalan	Bilangan Setuju $\frac{x}{5}$	Bilangan Tidak Setuju $\frac{y}{5}$	Peratus Setuju (%)
5.	Ikon yang terdapat pada komik membantu membezakan Adab Penjual dan Pembeli.	5	0	100
6.	Akrostik 'JAIS TUA KeHaji' membantu saya memahami Adab Penjual dan Pembeli.	5	0	100
7.	Akrostik ini membantu saya untuk tidak lagi keliru terhadap perbezaan adab penjual dan pembeli.	5	0	100

100% peserta kajian bersetuju bahawa ikon, warna dan akrostik membantu mereka memahami Adab.

**Rajah 7. Analisis Borang Maklum Balas Akhir.**

Melalui Rajah 7, 100% peserta kajian bersetuju akan kesemua item tema soalan yang telah disertakan di dalam Borang Maklum Balas. Ini membuktikan bahawa, penggunaan ikon, warna dan akrostik berkesan dalam membantu peserta kajian memahami dan membezakan Adab Penjual dan Pembeli dengan betul. Dapatan Maklum Balas ini telah disokong oleh dapatan peningkatan skor pencapaian peserta kajian dalam Ujian Selepas dan 2 serta dibuktikan lagi menerusi 'Permainan Kad Adab' yang telah peserta kajian jalani semasa menggunakan komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaji' dengan mendapat 100% jawapan pengkelasan kad adab betul.

Kesimpulannya, komik 'SUPER ADAB: JAIS TUA KeHaji' berkesan dalam membantu murid memahami Adab Penjual dan Pembeli dengan purata peningkatan pencapaian skor kesemua peserta kajian adalah sebanyak 57.2%.



## **REFLEKSI KAJIAN**

### **Kesan Kepada Peserta Kajian**

Kajian ini telah membantu para peserta kajian untuk menambah ilmu pengetahuan berkaitan adab dan diharapkan agar dapat dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Di samping itu, kajian ini dapat mengubah persepsi dan minat peserta kajian tentang pembelajaran pendidikan Islam. Di awal kajian, peserta kajian majoriti memberikan respon bahawa pembelajaran Pendidikan Islam membosankan dan sukar difahami kerana terdapat banyak fakta. Walau bagaimanapun, setelah kajian tindakan dijalankan, saya telah menerima maklum balas dari peserta kajian bahawa mereka berasa seronok mempelajari Adab dengan adanya bahan yang menarik dan akrostik yang membantu mereka untuk mengingat fakta yang kompleks. Sehubungan itu, sebagai guru Pendidikan Islam abad ke-21 yang mengajar generasi alpha yang membesar seiring teknologi dan maklumat terkini, kita harus sering bersedia dan sentiasa menambah kemahiran diri berkenaan teknologi semasa untuk diguna pakai dalam PdP. Perkara ini bertepatan dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang ke-7 iaitu memanfaatkan penggunaan ICT semaksimum mungkin dalam pengajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

### **Kesan Kepada Amalan Pengajaran Kendiri**

Menerusi kajian tindakan yang julung kali saya lakukan ini, pelbagai ilmu pengetahuan baharu dan kemahiran yang telah saya pelajari terutamanya dalam meningkatkan amalan sendiri. Kajian ini telah banyak meningkatkan skill komunikasi saya dalam berhadapan dengan pelbagai pihak dalam menjayakan pelaksanaan kajian ini. Saya perlu berurusan dengan pihak pentadbir sekolah, para guru Pendidikan Islam mahupun guru-guru akademik lain di sekolah dan juga para pensyarah di IPG. Justeru itu, kemahiran interpersonal saya dapat ditambah baik melalui kajian ini.

Selain itu, sepanjang tempoh sebelum, semasa dan selepas kajian ini juga saya telah banyak mempelajari cara untuk meningkatkan cara pengajaran yang berkesan kepada murid. Saya sendiri kurang cakna akan aras pemahaman murid saya. Lantaran itu, semasa proses tindakan kajian dilaksanakan saya telah menggunakan kata kunci mudah untuk digunakan di dalam akrostik supaya mudah difahami oleh semua peringkat murid. Amalan pengajaran sendiri saya dapat ditingkatkan melalui kajian ini kerana dengan adanya pengumpulan data saya dapat melihat kesan dari kajian ini dari pencapaian lemah murid dapat meningkat sehingga 100%.

## **CADANGAN TINDAKAN SUSULAN**

Cadangan tindakan susulan untuk kajian lanjutan ini ialah penggunaan kaedah akrostik dapat dikukuhkan dengan penggunaan kaedah nyanyian. Hal ini disebabkan, untuk murid yang lemah, mereka mungkin mudah lupa akan maksud akrostik 'JAIS TUA KeHaJi'. Gabungan akrostik dan lagu akan mempercepatkan murid mengingat maklumat malah dapat diingat dalam jangka masa yang panjang. Perkara ini disokong oleh kajian lepas, menurut Syafiq Yusof (2014) murid lebih mudah mengingat maklumat pembelajaran yang kompleks dengan kaedah nyanyian.

Selain itu, komik 'JAIS TUA KeHaJi' juga boleh ditambah baik dari segi penceritaan dan pengurusan grafik komik yang lebih mantap dan menarik. Menambah baik komik ini menjadi komik digital merupakan satu usaha memperkasakan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP murid abad ke-21. Komik digital boleh dijadikan sebagai satu platform penyampaian pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam khususnya bidang Akhlak Islāmiyyah dan Sirah.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail (2013). *Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*, 3(2), 49-50.
- Ahmad Esa, Anizam Mohamed Yusof, Zurina Yasak, Siti Khatijah Mohammad & Kamarulzaman Md Jidi (2009). *Hubungan Antara Jenis Bahan Bacaan Dengan Gaya Pembelajaran Pelajar Sekolah Menengah Teknik*. 14<sup>th</sup> International Conference on Education 21-24 May di Universiti Brunei Darussalam, 1-19.
- Azalina Abdul Wahap (2013). *Konteks, Input dan Proses dan Hasil Penggunaan Kaedah Ilustrasi Komik Terhadap Pelajar Tingkatan Empat dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Salah Sebuah Sekolah di Daerah Papar: Satu Kajian Kes*. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi, 29-30 Ogos 2013, 1-26.
- Azani Ismail & Azman Che Mat (2012). *Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab*. *Journal of Language Studies* 12(1), 325 – 337.
- Bakken , J.P., & Simpson, C.G. (2011). *Mnemonic Strategies: Success for The Young Adult Success*. *Journal of Human Resources and Adult Learning* 7(2), 79 – 85.
- Faraha Latifah Mohd (2006). *Kajian Warna: Kecenderungan Pemilihan Warna oleh Kanak-kanak*. Sarawak: Fakulti Seni Guna dan Kreatif Universiti Malaysia Sarawak, 1-26.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan 2013 - 2025*. Dilayari pada 10 Mac 2018, dari laman web <https://www.moe.gov.my/images/dasarkpm/PPPPreliminary-Blueprint.pdf>
- Mariam Adawiah Dzulkifli & Muhammad Faiz Mustafar (2013). *The Influence of Colour on Memory Performance: A Review*. *Journal of Medical Sciences* 20(2), 3 – 9.
- Mohammad Syafiq Yusof (2014). *Kaedah Nyanyian dan Penggunaan Bahasa Badan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengingati Susunan Enam Rukun Iman*. Laporan Kajian Tindakan Yang Tidak Diterbitkan: IPG Kampus Batu Lintang.
- Nur Hasyimayun Mongkin (2013). *Kutu Di Baju: Matilah Dia!* Laporan Kajian Tindakan Yang Tidak Diterbitkan: IPG Kampus Batu Lintang.
- Rosdiana Ramli (2014). *Bahan Bantu Roda Jawi (BBR) Meningkatkan Kemahiran Murid Tahun 2 dalam Menyambung Huruf-Huruf Tunggal Jawi*. Laporan Kajian Tindakan Yang Tidak Diterbitkan: IPG Kampus Batu Lintang.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab.Halim Tamuri (2010). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 53 – 64.
- Tang, G.L (2005). *Meningkatkan Keupayaan Pelajar Mengingat Fakta Sejarah Dengan Menggunakan Kaedah Mneumonik*. Dilayari pada 9 Februari 2018, dari laman web [http://www.ipbl.edu.my/portal/\[emyelidikan/seminarpapers/Se mAR2005/11%20%20tan20mneumonik.pdf](http://www.ipbl.edu.my/portal/[emyelidikan/seminarpapers/Se mAR2005/11%20%20tan20mneumonik.pdf)